

## Kerjaya Aktuari

### PENGENALAN

Sejarah awal menunjukkan bahawa tugas-tugas aktuari berkait dengan kehidupan dan perniagaan terutamanya kemortalan dan faedah kompaun. Peranan aktuari juga berkait rapat dalam bidang pengurusan risiko, mengenal pasti dan menilai risiko yang berkemungkinan dan kos yang berkaitan dengannya. Pada awalnya, penglibatan aktuari adalah dalam lapangan perundingan, pelaburan, insurans hayat dan am dan pencen. Namun, kini aktuari juga semakin banyak terlibat dalam sektor kewangan yang memerlukan kemahiran analisis.

### BIDANG KERJAYA SAINS AKTUARI

Industri/Bidang	Penerangan	Contoh Tempat
Insurans/Takaful	Tugas aktuari dalam insurans/takaful meliputi mereka bentuk polisi insurans/takaful baharu, mengira kos dan menetapkan kadar premium untuk memenuhi keperluan pembayaran manfaat yang dijangkakan dan mengira status kewangan syarikat. Aktuari juga menjalankan siasatan terperinci mengikut data lepas; seperti menganalisis aset dan perbelanjaan yang lalu dan menganalisis amaun tuntutan untuk pelbagai jenis polisi insurans/takaful.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Insurans Hayat / Takaful Keluarga</li><li>• Insurans Am / Takaful Am</li><li>• Insurans Semula / Takaful Semula</li></ul>
Pencen dan Manfaat Pekerja	Aktuari biasanya terlibat dalam mereka bentuk dan memberi nasihat kepada skim pencen di Malaysia, terutamanya dalam menentukan nilai yang perlu diumpukkan dalam dana pencen terkumpul. Aktuari juga terlibat dalam mereka bentuk dan mengira kos bagi skim faedah pekerja seperti faedah perubatan dan sebagainya.	<ul style="list-style-type: none"><li>• KWSP</li><li>• PERKESO</li></ul>

Pelaburan	<p>Aktuari terlibat dalam pelbagai kerja seperti menentukan harga terbitan kewangan, dalam bidang pengurusan dana dan portfolio, pengurusan risiko pelaburan atau dalam bidang penyelidikan pelaburan kuantitatif. Selalunya aktuari bekerja dalam bidang-bidang bersangkutan pemahaman mereka dalam insurans atau liabiliti pencen membantu menguruskan pelaburan aset yang sepadan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbankan pelaburan dan komersial</li> </ul>
Perundingan	<p>Perundingan aktuari menawarkan khidmat nasihat kepada syarikat-syarikat mengenai isu-isu seperti pemerolehan, penggabungan, pemulihan korporat, dan projek-projek pembiayaan modal. Mereka juga membekalkan khidmat nasihat kepada syarikat dan badan-badan lain yang tidak menggaji pekerja-pekerja aktuari. Biasanya nasihat perundingan merangkumi isu-isu yang luas, tumpuan perundingan individu selalunya terhadap perkembangan kepakaran aktuari di dalam penggunaan persekitaran perniagaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Actuarial Partners</li> <li>• TAS Actuaries</li> </ul>
Kerajaan	<p>Aktuari juga terlibat dalam bidang pengurusan risiko kerajaan. Mereka biasanya ditugaskan untuk menguruskan pelan pencen atau insurans kerajaan. Aktuari juga terlibat dalam menguruskan program-program dan menyelia syarikat-syarikat awam untuk memastikan pematuhan terhadap peraturan undang-undang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Unit Aktuari Kementerian Kewangan</li> <li>• BNM</li> </ul>

Pendidikan	Terlibat dalam pengajaran dan penyelidikan mengikut bidang kepakaran serta khidmat masyarakat. Maklumat lanjut, <a href="#">sila klik di sini</a> .	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kolej</li> <li>• Universiti</li> </ul>
------------	---	---

## **PEKERJAAN BERKAITAN DENGAN SAINS AKTUARI**

Contoh pilihan kerjaya yang disandang oleh aktuari dalam sesebuah syarikat atau institusi:

- Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Pegawai Kewangan
- Aktuari Dilantik (*Appointed Actuary / Signing Actuary*)
- Perunding Aset / Pelaburan / Pengurusan
- Penganalisis
- Pegawai dalam Jabatan Pembangunan Produk / Harga di bawah syarikat insurans/takaful
- Pegawai dalam Jabatan Pengurusan Risiko
- Pensyarah, Penyelidik

## **KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN DALAM KERJAYA**

Seorang graduan sains aktuari perlu mempunyai set kemahiran yang berikut:

- Pengetahuan matematik khusus dalam kalkulus, statistik, kebarangkalian
- Kemahiran analisis, pengurusan projek, dan penyelesaian masalah
- Kemahiran perniagaan yang baik dari segi kewangan, perakaunan, ekonomi
- Kemahiran insaniah (*soft skills*)
- Kemahiran komputer dan perisian dari segi merangka lembaran (*spreadsheet*) Excel, program analisis statistik seperti SPSS, MATLAB dan perisian R, manipulasi pangkalan data, bahasa pengaturcaraan seperti C++, VBA Makro dan sebagainya.